PENGHARGAAN WARISAN DAN PERSEPSI MANFAAT BUDAYA-SOSIAL DALAM PESTA KALIMARAN DAN PESTA KAAMATAN

(HERITAGE APPRECIATION AND PERCEIVED CULTURAL-SOCIAL BENEFITS AT PESTA KALIMARAN AND PESTA KAAMATAN)

JOHNES, J.[1,2] – HUSSIN, R.[2*] – STEPHEN, J.[2] – RASHID, R.[1,2]

[1] *Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Sabah, Malaysia.*

[2] *Institut Kajian Orang Asal Borneo (BorIIS), Universiti Malaysia Sabah, Sabah, Malaysia.*

**Penulis penghubung*
e-mail: azzs[at]ums.edu.my

(Received 16th August 2026; revised 22nd October 2026; accepted 30th October 2026)

Abstrak. Kajian ini meneliti hubungan antara simbol komunikasi, penghargaan warisan dan respons persembahan dengan persepsi manfaat budaya-sosial dalam Pesta Kalimaran dan Pesta Kaamatan di Sabah, serta batas penilaian pengunjung sebagai petunjuk kefahaman adat dan hubungan antara etnik. Pendekatan kaedah campuran digunakan melalui tinjauan terhadap 382 pengunjung Pesta Kalimaran dan 400 pengunjung Pesta Kaamatan, disokong temu bual bersama 14 informan. Data kuantitatif dianalisis menggunakan regresi kuasa dua terkecil biasa, manakala data kualitatif dianalisis secara tematik bagi memperincikan pengalaman budaya dan pemaknaan ritual. Model regresi menerangkan 55.6% dan 54.8% variasi persepsi manfaat budaya-sosial bagi Kalimaran dan Kaamatan. Penghargaan warisan mencatat pekali terpiawai tertinggi dalam kedua-dua perayaan ($\beta = 0.451$; $\beta = 0.528$). Walau bagaimanapun, perbezaan pekalinya berbanding simbol komunikasi hanya signifikan bagi Kaamatan ($p < 0.001$), bukan Kalimaran ($p = 0.235$). Kesan siling turut dikenal pasti apabila 64.9% dan 54.3% responden mencapai skor maksimum. Keterangan informan mengenai pameran budaya, Tolak Bala dan Magavau memperlihatkan perbezaan antara penghargaan awam dengan pemaknaan adat. Kajian menyimpulkan bahawa penghargaan simbolik, orientasi hubungan antara etnik dan pengetahuan ritual merupakan dimensi berbeza yang memerlukan penilaian tersendiri. Dapatan ini menyumbang kepada pemahaman hubungan warisan dan manfaat sosial tanpa mengandaikan perubahan tingkah laku atau penguasaan adat secara langsung.
Katakunci: *interaksi simbolik, representasi budaya, kewibawaan adat, orientasi antara etnik, kesan siling*

Abstract. This study examines the associations of symbolic communication, heritage appreciation and performance responses with perceived cultural–social benefits at Pesta Kalimaran and Pesta Kaamatan in Sabah, while considering the limitations of visitor evaluations as indicators of customary understanding and interethnic relations. A mixed-methods approach combined surveys of 382 Kalimaran visitors and 400 Kaamatan visitors with interviews involving 14 informants. Quantitative data were analysed using ordinary least squares regression, while qualitative accounts were thematically analysed to contextualise cultural experiences and ritual meanings. The regression models explained 55.6% and 54.8% of the variance in perceived cultural–social benefits at Kalimaran and Kaamatan, respectively. Heritage appreciation recorded the largest standardised coefficients in both festivals ($\beta = 0.451$; $\beta = 0.528$). However, its coefficient differed significantly from symbolic communication at Kaamatan ($p < 0.001$), but not at Kalimaran ($p = 0.235$). Substantial ceiling effects emerged, with 64.9% and 54.3% of respondents attaining the maximum benefit score. Interview accounts of cultural displays, Tolak Bala and Magavau distinguished public appreciation from customary meanings. The findings emphasise that symbolic appreciation, reported interethnic orientations and ritual knowledge require distinct forms of assessment and cannot establish behavioural change or customary understanding directly. These distinctions contribute to a more nuanced interpretation of festival experiences.

Keywords: *symbolic interactionism, cultural representation, customary authority, interethnic orientations, ceiling effects*

Pengenalan

Perayaan masyarakat Orang Asal merupakan ruang representasi budaya yang mempertemukan komuniti pewaris, penggiat seni, penganjur dan pengunjung melalui pameran warisan, pakaian tradisional, muzik, tarian serta amalan adat. Penyertaan dalam festival budaya berpotensi memperkukuh rasa kebersamaan, identiti komuniti dan pembangunan modal budaya (Hassanli et al., 2021; Rossetti dan Quinn, 2021). Walau bagaimanapun, makna sesuatu simbol budaya tidak semestinya ditafsir secara seragam kerana representasi warisan berkait dengan pengalaman sosial, kedudukan penafsir dan konteks komuniti yang mempersembahkannya (Smith, 2006; Hall, 1997). Abbasian (2023) turut menunjukkan bahawa pengiktirafan budaya pada peringkat komuniti tidak semestinya disertai peningkatan integrasi sosiobudaya pada peringkat individu. Dalam konteks Sabah, Pesta Kalimaran di Tenom mengetengahkan warisan masyarakat Murut melalui pameran budaya, permainan tradisional dan upacara adat, termasuk Tolak Bala yang telah didokumentasikan dalam penganjuran terdahulu (Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah, 2023; Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah, 2014). Pesta Kaamatan di Hongkod Koisaan, Penampang pula berkait dengan tradisi menuai padi masyarakat Kadazandusun yang merangkumi Magavau, Sumazau, Unduk Ngadau dan Sugandoi (Topin, 2021; Low, 2012). Penelitian Barlocco (2011) memperlihatkan hubungan antara sambutan Kaamatan, pembentukan identiti etnik dan kedudukan politik masyarakat Kadazandusun, manakala Somiah (2025) menghuraikan pembentukan identiti gender melalui pertandingan Unduk Ngadau. Penelitian tersebut memperlihatkan bahawa perayaan budaya turut melibatkan perundingan identiti dan pemaknaan warisan yang melangkaui fungsi persembahan serta sambutan kolektif.

Walaupun literatur festival telah membincangkan manfaat kebersamaan dan pengiktirafan budaya, penilaian terhadap manfaat sosial memerlukan pembezaan antara penghargaan simbolik, orientasi hubungan antara etnik dan interaksi sosial yang benar-benar berlaku (Abbasian, 2023; Marques et al., 2021; Hjerm et al., 2020). Dalam hal ini, persetujuan pengunjung terhadap pernyataan tentang kepentingan budaya atau hubungan etnik tidak secara langsung membuktikan perubahan tingkah laku sosial. Begitu juga, penghargaan terhadap persembahan ritual tidak semestinya menggambarkan penguasaan makna, tatacara dan kewibawaan adat yang mendasarinya (Rappaport, 1999; Bell, 1997). Perbezaan tersebut menuntut penelitian yang memisahkan persepsi manfaat budaya-sosial daripada bukti kefahaman ritual dan pengalaman interaksi antara etnik. Sehubungan itu, kajian ini meneliti perkaitan simbol komunikasi, penghargaan warisan dan respons persembahan dengan persepsi manfaat budaya-sosial pengunjung Pesta Kalimaran dan Pesta Kaamatan. Penelitian turut merangkumi orientasi hubungan antara etnik yang dilaporkan pengunjung serta keterangan informan tentang pameran, persembahan dan pemaknaan adat. Kedua-dua perayaan dianalisis sebagai kes yang berasingan bagi mengenal pasti persamaan dan perbezaan konteks tanpa menganggap penilaian positif sebagai bukti langsung peningkatan keharmonian antara etnik atau penguasaan pengetahuan ritual.

Latar belakang kajian dan objektif kajian

Teori Interaksi Simbolik menekankan bahawa makna sosial terbentuk melalui proses interaksi, pentafsiran dan tindakan individu terhadap simbol yang dikongsi dalam kehidupan bermasyarakat (Carter dan Fuller, 2016; Blumer, 1969; Mead, 1934). Dalam konteks perayaan budaya, simbol seperti pakaian tradisional, tarian, muzik dan perlakuan adat menjadi medium representasi warisan yang dapat ditafsir secara berbeza mengikut pengalaman serta kedudukan sosial individu (Smith, 2006; Hall, 1997). Penelitian Ling et al. (2025) terhadap tradisi Ulung Buayeh masyarakat Lundayeh dan Molinka et al. (2025) terhadap motif budaya Kimaragang memperlihatkan hubungan antara representasi warisan, identiti komuniti dan konteks setempat. Berpandukan perspektif ini, simbol komunikasi, penghargaan warisan dan respons persembahan diteliti sebagai dimensi penilaian pengunjung terhadap budaya yang dipersembahkan. Teori Interaksi Simbolik digunakan sebagai kerangka tafsiran hubungan antara simbol, pemaknaan dan pengalaman sosial, tanpa mengandaikan bahawa penilaian terhadap simbol secara langsung menghasilkan perubahan hubungan antara etnik. Pemaknaan ritual pula berkait dengan aturan perlakuan, ingatan kolektif dan sistem kepercayaan yang diwarisi dalam komuniti (Bell, 1997; Connerton, 1989; Turner, 1969, 1967). Rappaport (1999) menjelaskan kepentingan bentuk dan pelaksanaan ritual dalam hubungan antara amalan dengan makna keagamaan, manakala Harnish (2021) memperlihatkan kewujudan pelbagai tafsiran ritual dan seni persembahan dalam konteks festival Lingsar di Indonesia. Dalam tradisi Kadazandusun, Low (2012) menghuraikan kepercayaan terhadap Bambarayon serta hubungannya dengan upacara pertanian, termasuk Magavau. Literatur tersebut menyediakan asas untuk meneliti perbezaan antara keterlihatan ritual dalam perayaan awam dengan pemaknaan adat yang mendasarinya. Oleh itu, keterangan pengunjung, penggiat seni dan pelaksana program ditafsir berdasarkan pengalaman serta peranan masing-masing dengan mengambil kira bahawa kewibawaan untuk menentukan makna dan tatacara ritual turut berkait dengan kedudukan pemegang mandat adat.

Dari perspektif hubungan sosial, Marques et al. (2021) meneliti dimensi interaksi yang membentuk pengalaman sosial dalam acara kebudayaan, manakala Hjerm et al. (2020) membezakan penerimaan, penghormatan dan penghargaan terhadap perbezaan sebagai dimensi konseptual toleransi. Dalam konteks Sabah, kajian Lukin @ Lokin et al. (2022), Khalli et al. (2022) dan Stephen et al. (2025) memperlihatkan kepentingan pengalaman hubungan etnik, kepelbagaian sosiobudaya dan persepsi keharmonian dalam masyarakat majmuk. Berdasarkan perbincangan tersebut, kajian ini membezakan tiga aspek analisis, iaitu penilaian terhadap simbol budaya, persepsi manfaat budaya-sosial dan orientasi hubungan antara etnik yang dilaporkan pengunjung. Pembezaan ini membolehkan hubungan antara pemboleh ubah diteliti berdasarkan kandungan instrumen, sementara keterangan informan memberikan penjelasan kontekstual terhadap pameran, persembahan dan ritual dalam kedua-dua perayaan. Sehubungan itu, kajian ini menetapkan tiga objektif: (i) menganalisis perkaitan simbol komunikasi, penghargaan warisan dan respons persembahan dengan persepsi manfaat budaya-sosial pengunjung Pesta Kalimaran dan Pesta Kaamatan; (ii) menghuraikan orientasi hubungan antara etnik berdasarkan penilaian yang dilaporkan pengunjung; dan (iii) mengintegrasikan dapatan tinjauan dengan keterangan informan bagi memperjelas pengalaman pameran budaya, persembahan dan pemaknaan ritual. Kedua-dua perayaan dianalisis secara berasingan bagi memahami persamaan dan perbezaan pola penilaian serta konteks budaya masing-masing, tanpa membuat kesimpulan sebab-akibat atau menentukan keberkesanan relatif perayaan terhadap keharmonian antara etnik.

Instrumen dan Metod Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah campuran yang menggabungkan tinjauan kuantitatif dan temu bual kualitatif dengan integrasi pada peringkat pentafsiran (Creswell dan Plano Clark, 2018; Fetters et al., 2013). Tinjauan keratan rentas dijalankan pada 10–12 Mac 2023 semasa Pesta Kalimaran di Pusat Kebudayaan Murut, Tenom, melibatkan 382 responden. Tinjauan Pesta Kaamatan pula berlangsung pada 30–31 Mei 2023 di Hongkod Koisaan, Penampang, melibatkan 400 responden. Responden dipilih melalui persampelan mudah berdasarkan kehadiran mereka dalam perayaan berkenaan. Komponen kualitatif melibatkan 14 informan yang dipilih secara bertujuan, masing-masing tujuh orang bagi setiap perayaan, merangkumi pelaksana program, penggiat seni dan pengunjung. Temu bual dilaksanakan secara berperingkat antara Mac 2023 hingga Julai 2024 bagi memperincikan pengalaman dan pemaknaan budaya dalam kedua-dua perayaan. Instrumen soal selidik disemak berdasarkan kejelasan bahasa dan kesesuaian kandungan sebelum menjalani kajian rintis melibatkan 60 responden pada 24 Februari 2023. Semua item menggunakan skala Likert lima mata untuk merekodkan tahap persetujuan responden. Tiga indeks peramal dibentuk melalui penjumlahan tiga item bagi setiap indeks, dengan julat skor 3–15. Indeks simbol komunikasi (C1–C3) merangkumi pengecaman, kepentingan dan cerminan simbol budaya. Indeks penghargaan warisan (C4–C6) menilai kekaguman, penghormatan dan penghargaan terhadap warisan yang dipersembahkan. Indeks respons persembahan (C7–C9) pula merangkumi kecenderungan memberikan sorakan, pujian dan penghargaan yang dilaporkan pengunjung.

Indeks hasil F1–F9 dibina melalui penjumlahan sembilan item dengan julat skor 9–45 bagi mengukur persepsi manfaat budaya-sosial. Kandungan indeks merangkumi kefahaman budaya, pertukaran idea, kerjasama, kreativiti, kepercayaan, persahabatan dan semangat kekitaan. Lima item tambahan, iaitu D2, D3, D6, E1 dan E9, dianalisis secara deskriptif untuk menghuraikan orientasi hubungan antara etnik. Ketekalan dalaman indeks dinilai menggunakan pekali alfa Cronbach, manakala hubungan antara skor diperiksa melalui korelasi Spearman. Pemeriksaan penerokaan nisbah heterotrait–monotrait(HTMT) turut digunakan bagi meneliti potensi pertindihan pengukuran antara indeks (Henseler et al., 2015). Keseluruhan skor ditafsir sebagai penilaian kendiri responden, bukannya ukuran langsung perubahan tingkah laku sosial atau penguasaan pengetahuan ritual. Hubungan antara tiga indeks peramal dengan persepsi manfaat budaya-sosial dianalisis menggunakan regresi kuasa dua terkecil biasa (ordinary least squares, OLS). Model regresi dianggarkan secara berasingan bagi Pesta Kalimaran ($n = 382$) dan Pesta Kaamatan ($n = 400$). Statistik F dan pekali penentuan (R^2) digunakan untuk menilai model keseluruhan. Inferens pekali regresi dan kontras pekali terpiawai menggunakan ralat piawai teguh HC3 bagi mengambil kira heteroskedastisiti (MacKinnon dan White, 1985). Ujian Breusch–Pagan menunjukkan heteroskedastisiti yang signifikan dalam kedua-dua model ($p < 0.001$). Nilai faktor inflasi varians (VIF) masing-masing berada antara 1.37–1.77 bagi Kalimaran dan 1.95–2.50 bagi Kaamatan.

Analisis sensitiviti dijalankan menggunakan indeks hasil alternatif F4–F9 dan F7–F9 bagi menilai keteguhan hubungan statistik. Model tambahan turut dianggarkan dengan pelarasan berdasarkan jantina, kumpulan umur dan etnik responden. Jantina dikod sebagai pemboleh ubah kategori, manakala umur dikekalkan dalam lima kumpulan asal melalui pemboleh ubah penunjuk. Etnik turut dimodelkan secara kategori, dengan kumpulan yang mempunyai kurang daripada 20 responden digabungkan sebagai lain-lain dalam setiap sampel. Semua analisis dilaksanakan secara berasingan tanpa

mengandaikan kesetaraan pengukuran antara kedua-dua perayaan. Pemeriksaan tambahan ditafsir secara penerokaan kerana tiada pelarasan formal bagi pengujian berbilang, manakala reka bentuk keratan rentas tidak membenarkan kesimpulan sebab-akibat. Data temu bual ditranskripsi dan dianalisis secara tematik melalui pengenalpastian unit makna, pembentukan kod dan pengelompokan tema (Braun dan Clarke, 2021). Analisis memberikan perhatian kepada pengalaman pengunjung, penerangan pelaksana program dan pandangan penggiat seni terhadap warisan yang dipersembahkan. Dapatan kuantitatif dan kualitatif diintegrasikan melalui perbandingan pola respons pengunjung dengan keterangan informan berdasarkan kes dan tema (Fetters et al., 2013). Proses ini membolehkan pengenalpastian kesepadanan dapatan, perincian konteks dan perbezaan tafsiran terhadap pameran, persembahan serta ritual. Pengintegrasian dilaksanakan tanpa pemadanan individu antara responden tinjauan dengan informan temu bual. Keterangan informan digunakan untuk memperluas pentafsiran dapatan tinjauan berdasarkan pengalaman sosial dan konteks budaya setiap perayaan.

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Profil responden menunjukkan perbezaan komposisi demografi antara Pesta Kalimaran dan Pesta Kaamatan (*Jadual 1*). Dalam sampel Kalimaran, masyarakat Murut merupakan kumpulan terbesar dengan 194 responden (50.8%). Sampel Kaamatan pula didominasi oleh masyarakat Dusun seramai 100 responden (25.0%) dan Kadazan seramai 98 responden (24.5%). Kumpulan umur terbesar di Kalimaran ialah 40–49 tahun (27.0%), berbanding 20–29 tahun (39.5%) di Kaamatan. Responden dalam kategori isi rumah B40 masing-masing merangkumi 80.4% dan 61.8% daripada kedua-dua sampel. Perbezaan komposisi ini memberikan konteks terhadap penilaian pengunjung, namun persampelan mudah tidak membolehkan generalisasi kepada keseluruhan populasi pengunjung kedua-dua perayaan. Penilaian responden terhadap simbol budaya dan manfaat budaya-sosial berada pada aras tinggi dalam kedua-dua perayaan (*Jadual 2*). Min item penghargaan warisan (C4–C6) berkisar antara 4.6885–4.7408 bagi Kalimaran dan 4.5325–4.5425 bagi Kaamatan. Walau bagaimanapun, seramai 248 responden Kalimaran (64.9%) dan 217 responden Kaamatan (54.3%) mencapai skor maksimum F1–F9, menunjukkan kesan siling yang ketara. Pekali alfa Cronbach yang tinggi memberikan petunjuk ketekalan dalaman, tetapi tidak dengan sendirinya mengesahkan pemisahan konstruk peramal dan hasil. Nilai HTMT Spearman penerokaan antara C4–C6 dengan F1–F9 masing-masing ialah 0.736 dan 0.639, yang memerlukan tafsiran berhati-hati terhadap kesahan diskriminan (Henseler et al., 2015). Oleh itu, indeks kajian digunakan sebagai pemboleh ubah operasi bagi menilai perkaitan antara penilaian budaya dan persepsi manfaat, bukan sebagai konstruk laten yang telah disahkan sepenuhnya.

***Jadual 1**. Profil responden bagi dua perayaan.*

Ciri	Kalimaran (n = 382)	Kaamatan (n = 400)
Jantina majoriti (Perempuan)	204 (53.4%)	216 (54.0%)
Kumpulan umur terbesar	40–49 tahun: 103 (27.0%)	20–29 tahun: 158 (39.5%)
Etnik utama	Murut: 194 (50.8%)	Dusun: 100 (25.0%); Kadazan: 98 (24.5%)
Pendidikan tertinggi paling lazim	SPM/MCE/SPAM: 136 (35.6%)	SPM/MCE/SPAM: 144 (36.0%)
Isi rumah B40	307 (80.4%)	247 (61.8%)

Nota: Kategori terpilih dipaparkan bagi memberikan konteks sampel dan tidak mewakili taburan keseluruhan kategori demografi.

***Jadual 2**. Pola skor, kebolehpercayaan dan kesan siling.*

Penunjuk	Kalimaran	Kaamatan
Min item C1–C3	4.5340–4.6885	4.2625–4.4725
Min item C4–C6	4.6885–4.7408	4.5325–4.5425
Min item C7–C9	4.6283–4.6571	4.3475–4.3675
Min item F1–F9	4.6832–4.8351	4.5925–4.6475
α C1–C3 / C4–C6 / C7–C9	0.864 / 0.907 / 0.884	0.866 / 0.952 / 0.931
α F1–F9	0.941	0.967
Skor maksimum F1–F9	248 (64.9%)	217 (54.3%)

Nota: Min item menggunakan skala 1–5; α = pekali alfa Cronbach. Skor maksimum F1–F9 ialah 45.

Analisis regresi OLS menunjukkan perkaitan positif antara ketiga-tiga indeks peramal dengan persepsi manfaat budaya-sosial dalam kedua-dua perayaan (*Jadual 3*). Model Kalimaran menerangkan 55.6% variasi skor F1–F9 ($F[3,378] = 158.078$; $R^2 = 0.5565$; $p < 0.001$). Model Kaamatan pula menerangkan 54.8% variasi skor hasil ($F[3,396] = 160.137$; $R^2 = 0.5482$; $p < 0.001$). Penghargaan warisan mencatat pekali terpiawai tertinggi dengan $\beta = 0.451$ bagi Kalimaran dan $\beta = 0.528$ bagi Kaamatan. Berdasarkan Teori Interaksi Simbolik, perkaitan ini boleh ditafsir melalui kepentingan penilaian terhadap simbol warisan dalam pengalaman budaya yang dilaporkan pengunjung (Hall, 1997; Blumer, 1969). Walau bagaimanapun, hubungan tersebut menggambarkan perkaitan antara skor penilaian kendiri dan tidak membuktikan proses pembentukan makna atau perubahan sosial secara sebab-akibat. Ujian kontras pekali terpiawai memperincikan kedudukan relatif penghargaan warisan berbanding dua indeks peramal lain (*Jadual 4*). Bagi Kalimaran, perbezaan antara penghargaan warisan dengan simbol komunikasi ialah 0.145 dan tidak signifikan secara statistik ($p = 0.235$). Sebaliknya, Kaamatan menunjukkan perbezaan signifikan antara kedua-dua indeks tersebut dengan nilai 0.360 ($p < 0.001$). Penghargaan warisan juga mencatat pekali yang lebih tinggi daripada respons persembahan, dengan kontras signifikan dalam kedua-dua perayaan ($p < 0.001$). Dapatan ini memperlihatkan bahawa kedudukan penghargaan warisan sebagai peramal dengan anggaran tertinggi tidak semestinya menunjukkan kelebihan signifikan terhadap semua peramal lain. Perbezaan tersebut ditentukan dalam setiap sampel secara berasingan dan tidak mewakili ujian perbezaan kekuatan hubungan antara Kalimaran dengan Kaamatan.

***Jadual 3**. Regresi respons budaya terhadap persepsi manfaat F1–F9.*

Perayaan / peramal	B	β	SE HC3	95% CI HC3	p HC3
Kalimaran: simbol	0.640	0.306	0.139	0.366–0.914	<0.001
Kalimaran: warisan	1.148	0.451	0.183	0.788–1.507	<0.001
Kalimaran: persembahan	0.231	0.112	0.101	0.032–0.430	0.023
Kaamatan: simbol	0.426	0.168	0.156	0.120–0.733	0.006
Kaamatan: warisan	1.424	0.528	0.181	1.068–1.779	<0.001
Kaamatan: persembahan	0.278	0.114	0.122	0.038–0.519	0.024

Nota: B = pekali tidak terpiawai; β = pekali terpiawai; SE = ralat piawai; CI = selang keyakinan; HC3 = anggaran teguh terhadap heteroskedastisiti. R^2 model Kalimaran = 0.5565; Kaamatan = 0.5482. Statistik F yang dilaporkan ialah statistik keseluruhan model OLS, manakala inferens pekali menggunakan HC3.

***Jadual 4**. Ujian kontras pekali terpiawai dalam setiap perayaan.*

Kontras	Perbezaan β	95% CI HC3	p HC3
Kalimaran: warisan − simbol	0.145	−0.094 hingga 0.383	0.235
Kalimaran: warisan − persembahan	0.338	0.158 hingga 0.519	<0.001
Kaamatan: warisan − simbol	0.360	0.153 hingga 0.568	<0.001
Kaamatan: warisan − persembahan	0.414	0.220 hingga 0.609	<0.001

Nota: Inferens kontras berdasarkan kovarians HC3 dalam sampel yang sama, tanpa ujian kesetaraan pengukuran antara perayaan.

Analisis sensitiviti dilaksanakan menggunakan indeks hasil alternatif F4–F9 dan F7–F9 bagi mengurangkan pertindihan kandungan budaya antara peramal dengan hasil (*Jadual 5*). Penghargaan warisan kekal mencatat anggaran pekali terpiawai tertinggi dalam keempat-empat model alternatif. Walau bagaimanapun, simbol komunikasi Kaamatan tidak lagi menunjukkan perkaitan signifikan bagi F4–F9 ($p = 0.147$) dan F7–F9 ($p = 0.133$). Respons persembahan Kalimaran juga tidak signifikan dalam model F4–F9 ($p = 0.060$). Dalam model F1–F9 Kaamatan yang dilaraskan mengikut demografi, respons persembahan tidak lagi signifikan ($B = 0.236$; 95% CI HC3: −0.011 hingga 0.484; $p = 0.062$), sedangkan penghargaan warisan kekal positif dan signifikan ($B = 1.425$; $p < 0.001$). Perubahan tersebut menunjukkan bahawa keteguhan hubungan statistik berbeza mengikut kandungan indeks hasil dan pelarasan model, sekali gus memberikan konteks kepada tafsiran kepentingan penghargaan warisan. Analisis deskriptif terhadap lima item orientasi hubungan antara etnik menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi dalam kedua-dua perayaan (*Jadual 6*). Bagi kepentingan interaksi antara etnik (D2), persetujuan dicatatkan oleh 97.6% responden Kalimaran dan 94.5% responden Kaamatan. Item berkaitan pertemuan etnik yang menggalakkan perpaduan (D3) turut menunjukkan persetujuan masing-masing sebanyak 98.7% dan 94.8%. Kesediaan mempromosikan tradisi masyarakat lain (E9) mencatat persetujuan sebanyak 92.9% bagi Kalimaran dan 85.5% bagi Kaamatan. Dalam kerangka toleransi Hjerm et al. (2020), pola ini dapat dibincangkan sebagai orientasi positif terhadap penerimaan dan penghargaan kepelbagaian, tanpa menyamakan item kajian dengan ukuran toleransi yang telah disahkan. Perbezaan antara orientasi yang dilaporkan dengan interaksi yang benar-benar berlaku turut menepati kepentingan pengukuran pengalaman sosial secara khusus sebagaimana dibincangkan oleh Marques et al. (2021).

***Jadual 5**. Analisis sensitiviti berdasarkan indeks hasil alternatif.*

Sampel / hasil	R^2	β simbol (p HC3)	β warisan (p HC3)	β persembahan (p HC3)
Kalimaran F4–F9	0.534	0.329 (<0.001)	0.424 (<0.001)	0.096 (0.060)
Kaamatan F4–F9	0.516	0.142 (0.147)	0.486 (<0.001)	0.162 (0.015)
Kalimaran F7–F9	0.440	0.287 (<0.001)	0.381 (<0.001)	0.109 (0.042)
Kaamatan F7–F9	0.506	0.134 (0.133)	0.517 (<0.001)	0.125 (0.043)

Nota: Indeks hasil alternatif berkongsi sebahagian item dengan F1–F9 dan digunakan sebagai pemeriksaan sensitiviti, bukan pengesahan bebas.

***Jadual 6**. Persetujuan pengunjung terhadap orientasi hubungan antara etnik.*

Item / pernyataan	Kalimaran min	Setuju (%)	Kaamatan min	Setuju (%)
D2: Interaksi antara etnik penting	4.681	97.6	4.492	94.5
D3: Pertemuan etnik menggalakkan perpaduan	4.764	98.7	4.535	94.8
D6: Menghindari salah tanggapan (kendiri)	4.733	96.6	4.475	94.3
E1: Terbuka kepada budaya dan nilai berbeza	4.707	98.4	4.563	95.3
E9: Mempromosi tradisi masyarakat lain	4.579	92.9	4.318	85.5

Nota: sMin berdasarkan skala 1–5; setuju (%) merujuk respons 4 atau 5. Item D6 mengukur penilaian kendiri terhadap penghindaran salah tanggapan dan bukannya perubahan tingkah laku yang diperhatikan. Tiada indeks komposit perubahan keharmonian etnik dibina daripada item tersebut.

Keterangan temu bual memberikan penjelasan kontekstual terhadap penilaian positif pengunjung mengenai simbol dan representasi budaya. Dalam Pesta Kalimaran, informan K5 menjelaskan bahawa pameran budaya menyediakan peluang mengenali

warisan masyarakat setempat. Bagi Pesta Kaamatan, informan M8 menggambarkan rumah kebudayaan sebagai ruang memperkenalkan tradisi masyarakat lain kepada pengunjung. Informan M11 turut menceritakan pengalaman tarian bersama pengunjung yang memperlihatkan penyertaan dalam aktiviti kebudayaan. Namun, K5 mengingatkan bahawa pembelajaran berdasarkan pemerhatian visual sahaja mungkin menghasilkan pengetahuan yang kurang jelas. Keterangan tersebut menunjukkan kesepadanan antara penilaian positif dalam tinjauan dengan peluang pendedahan budaya, tanpa mengesahkan tahap kefahaman adat atau keluasan pengalaman interaksi bagi keseluruhan responden. Pemaknaan ritual memperlihatkan dimensi warisan yang tidak terangkum sepenuhnya dalam indeks penghargaan budaya. Informan K1 mengaitkan upacara Tolak Bala dengan permohonan agar pelaksanaan Pesta Kalimaran berlangsung dengan lancar. Dalam konteks Kaamatan, informan M14 menghuraikan Magavau melalui kesyukuran terhadap hasil tanaman dan penghormatan kepada Bambarayon. Perbezaan keterangan tersebut memperlihatkan konteks tujuan dan pemaknaan ritual yang tersendiri dalam kedua-dua perayaan. K1 memberikan penerangan berdasarkan peranannya sebagai pelaksana program, manakala M14 mengemukakan pandangan daripada kedudukannya sebagai penggiat seni. Selaras dengan Low (2012), Bell (1997) dan Turner (1969), penjelasan ini memperkukuh pemahaman tentang fungsi ritual sambil mengekalkan perbezaan antara pengalaman informan dengan kewibawaan penafsiran adat dalam komuniti pewaris.

Persembahan budaya turut memperlihatkan hubungan antara keterlihatan warisan, pengenalan identiti dan penghayatan masyarakat. Dalam Pesta Kalimaran, K2 menonjolkan Butitin/Rala' Kalimaran, manakala K4 memberikan perhatian kepada Lansaran sebagai sebahagian daripada warisan yang dipersembahkan. Bagi Pesta Kaamatan, M11 mengaitkan Unduk Ngadau dengan kisah Huminodun, sementara M12 menekankan peranan Sugandoi dalam memperkenalkan bahasa tradisi. Namun, M9 menyuarakan kebimbangan bahawa penghargaan terhadap kebudayaan mungkin kurang dalam kalangan sebahagian generasi muda. Perbezaan pandangan tersebut memperlihatkan bahawa keterlihatan budaya dan penglibatan dalam persembahan tidak semestinya disertai tahap penghayatan yang seragam. Tafsiran ini bertepatan dengan pendekatan representasi Hall (1997) serta penelitian Somiah (2025) tentang kepelbagaian pemaknaan identiti melalui Unduk Ngadau. Pengintegrasian dapatan kuantitatif dan kualitatif memperlihatkan kesepadanan pada aras pendedahan budaya serta variasi pada aras pemaknaan dan penghayatan adat (*Jadual 7*). Pada aras pendedahan, penilaian positif terhadap simbol budaya seiring dengan keterangan informan tentang rumah budaya, persembahan dan peluang mengenali tradisi masyarakat lain. Pada aras kefahaman, pandangan K5 dan M9 memperlihatkan bahawa pemerhatian terhadap warisan serta penyertaan dalam aktiviti budaya tidak semestinya menghasilkan penghayatan yang seragam. Pada aras ritual, penjelasan K1 dan M14 menunjukkan kepentingan konteks kepercayaan serta kedudukan sosial penafsir dalam memahami amalan adat. Berdasarkan Teori Interaksi Simbolik, perbezaan tersebut dapat ditafsir melalui pembentukan dan perundingan makna berdasarkan pengalaman sosial, tanpa menganggap semua pengunjung berkongsi tafsiran budaya yang sama (Hall, 1997; Blumer, 1969). Sintesis ini turut selari dengan penelitian Le et al. (2024) tentang hubungan antara autentisiti, komuniti dan kelestarian sosial acara, khususnya dalam memahami bahawa manfaat budaya yang dirasakan tidak semestinya merangkumi keseluruhan pengalaman dan pengetahuan warisan.

***Jadual 7**. Tema informan dan integrasi dengan pola tinjauan.*

Tema	Keterangan terpilih mengikut perayaan	Tafsiran bersama
Pameran dan pembelajaran	Kalimaran: K5 mengingatkan bahawa pembelajaran "hanya melalui apa yang kita nampak… tidak begitu jelas". Kaamatan: M8 menyebut rumah kebudayaan sebagai ruang pengenalan etnik lain, manakala M11 menceritakan tarian bersama pengunjung.	Penilaian positif terhadap simbol budaya dan keterangan informan menunjukkan peluang pendedahan serta pengenalan warisan. Namun, tahap kefahaman adat dan kekerapan interaksi sebenar tidak diukur secara langsung.
Ritual dan kedudukan penafsir	Kalimaran: K1 (pelaksana program) menyatakan, "Tujuan ritual ne untuk memohon supaya perancangan sepanjang Pesta Kalimaran ini berjalan lancar." Kaamatan: M14 (penggiat seni) menghuraikan Magavau sebagai "menunjukkan rasa kesyukuran masyarakat terhadap hasil tanaman" serta penghormatan kepada Bambarayon.	Keterangan kedua-dua informan memperincikan konteks pemaknaan ritual yang berbeza. Tafsiran tersebut dibaca berdasarkan peranan dan pengalaman informan, tanpa menjadikannya pengesahan rasmi tatacara ritual.
Persembahan dan penghayatan	Kalimaran: K2 menonjolkan Butitin/Rala' Kalimaran dan K4 menyebut Lansaran. Kaamatan: M11 mengaitkan Unduk Ngadau dengan Huminodun, M12 mengaitkan Sugandoi dengan bahasa tradisi, manakala M9 menyatakan "kalau dari segi menghargai kebudayaan mungkin kurang".	Persembahan menyediakan ruang pengenalan dan potensi pewarisan budaya, sementara pandangan M9 memperlihatkan kemungkinan perbezaan tahap penghayatan. Kedua-dua sumber data melengkapi tafsiran pada aras pengalaman dan tidak membentuk perbandingan statistik individu yang sama.

Nota: Petikan dalam tanda petik ialah keterangan langsung informan; petikan berelipsis dipendekkan tanpa mengubah maksud asal. Integrasi dilaksanakan berdasarkan perbandingan pola tinjauan dengan tema temu bual, tanpa pemadanan individu antara kedua-dua sumber data.

Berdasarkan sintesis tersebut, tiga proposisi interpretatif dapat dikemukakan sebagai asas penyelidikan lanjutan. Pertama, penghargaan positif terhadap simbol warisan boleh wujud bersama tahap pengetahuan ritual yang berbeza dalam kalangan pengunjung. Kedua, orientasi positif terhadap hubungan antara etnik tidak semestinya menggambarkan kekerapan, tempoh atau mutu interaksi rentas etnik yang berlaku. Ketiga, pemaknaan ritual berpotensi berbeza mengikut pengalaman serta kedudukan pengunjung, penggiat seni, pelaksana program dan pemegang mandat adat. Ketiga-tiga proposisi tersebut mencerminkan implikasi konseptual daripada gabungan bukti kajian dan bukannya hubungan sebab-akibat yang telah diuji. Penyelidikan susulan boleh menggabungkan ukuran pengetahuan ritual yang dipersetujui komuniti pewaris, pemerhatian interaksi sosial dan pengukuran berulang untuk memperincikan hubungan antara penghargaan warisan, penghayatan budaya dan pengalaman hubungan etnik (Smith, 2006; Rappaport, 1999). Tafsiran dapatan perlu mengambil kira ciri persampelan, reka bentuk keratan rentas dan sifat pengukuran berdasarkan laporan kendiri. Persampelan mudah mengehadkan kebolehumuman hasil kepada keseluruhan populasi pengunjung Pesta Kalimaran dan Pesta Kaamatan. Kesan siling yang tinggi turut mengehadkan keupayaan membezakan variasi penilaian manfaat budaya-sosial dalam kalangan responden. Selain itu, pertindihan kandungan indeks dan ketiadaan pengesahan kesetaraan pengukuran antara perayaan memerlukan perbandingan keputusan dilaksanakan secara berhati-hati. Keterangan informan pula memberikan penjelasan kontekstual tanpa pemadanan individu dengan responden tinjauan, sementara analisis sensitiviti menunjukkan bahawa beberapa hubungan statistik berubah mengikut spesifikasi model. Dengan mengambil kira batasan tersebut, sumbangan utama kajian terletak pada penjelasan hubungan antara penghargaan warisan, persepsi manfaat budaya-sosial dan pemaknaan adat sebagai dimensi yang saling berkaitan tetapi mempunyai asas pengukuran yang berbeza.

Kesimpulan

Tinjauan terhadap 782 pengunjung dan keterangan 14 informan menunjukkan hubungan positif antara penghargaan warisan yang dipersembahkan dengan persepsi manfaat budaya-sosial dalam Pesta Kalimaran dan Pesta Kaamatan. Penghargaan warisan mencatat pekali terpiawai terbesar bagi kedua-dua sampel, tetapi perbezaannya daripada simbol komunikasi hanya signifikan bagi Kaamatan. Kesan siling yang tinggi mengehadkan tafsiran, manakala huraian tentang Tolak Bala, Magavau dan pameran budaya menunjukkan perlunya membezakan penilaian khalayak daripada pemaknaan adat. Sumbangan kajian ialah pemisahan aras bukti yang lebih berdisiplin untuk penyelidikan perayaan Orang Asal, tanpa menjadikan persepsi positif sebagai bukti peningkatan keharmonian atau pengetahuan ritual yang telah diuji.

Penghargaan

Pengarang merakamkan penghargaan kepada responden, informan, penggiat budaya, penganjur serta komuniti pewaris Pesta Kalimaran dan Pesta Kaamatan atas kerjasama sepanjang kajian. Penyelidikan ini disokong oleh Geran Penyelidikan SDK0328-2021, Universiti Malaysia Sabah.

Konflik Kepentingan

Pengarang mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan melibatkan mana-mana pihak dalam kajian penyelidikan ini.

RUJUKAN

[1] Abbasian, S. (2023): Festival participation for integration and inclusion? A critical reflection. – World Leisure Journal 65(4): 464-483.
[2] Barlocco, F. (2011): A tale of two celebrations: The Pesta Kaamatan as a site of struggle between a minority and the state in Sabah, East Malaysia. – Asian Journal of Social Science 39(5): 605-626.
[3] Bell, C. (1997): Ritual: Perspectives and dimensions. – Oxford University Press 368p.
[4] Blumer, H. (1969): Symbolic interactionism: Perspective and method. – Prentice-Hall 208p.
[5] Braun, V., Clarke, V. (2021): Thematic analysis: A practical guide. – SAGE 376p.
[6] Carter, M.J., Fuller, C. (2016): Symbols, meaning, and action: The past, present, and future of symbolic interactionism. – Current Sociology 64(6): 931-961.
[7] Connerton, P. (1989): How societies remember. – Cambridge University Press 121p.
[8] Creswell, J.W., Plano Clark, V.L. (2018): Designing and conducting mixed methods research. – SAGE 492p.
[9] Fetters, M.D., Curry, L.A., Creswell, J.W. (2013): Achieving integration in mixed methods designs-Principles and practices. – Health Services Research 48(6pt2): 2134-2156.
[10] Hall, S. (Ed.) (1997): Representation: Cultural representations and signifying practices. – SAGE 400p.
[11] Harnish, D. (2021): Tolerance of ambiguity: Negotiating religion and sustaining the Lingsar festival and its performing arts in Lombok, Indonesia. – Religions 12(8): 12p.

[12] Hassanli, N., Walters, T., Williamson, J. (2021): "You feel you're not alone": How multicultural festivals foster social sustainability through multiple psychological sense of community. – Journal of Sustainable Tourism 29(11-12): 1792-1809.
[13] Henseler, J., Ringle, C.M., Sarstedt, M. (2015): A new criterion for assessing discriminant validity in variance-based structural equation modeling. – Journal of the Academy of Marketing Science 43(1): 115-135.
[14] Hjerm, M., Eger, M.A., Bohman, A., Fors Connolly, F. (2020): A new approach to the study of tolerance: Conceptualizing and measuring acceptance, respect, and appreciation of difference. – Social Indicators Research 147(3): 897-919.
[15] Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah (2014): 30,000 visitors expected for Kalimaran Festival in Tenom. – Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah 2p.
[16] Khalli, M.N.M., Sintang, S., Kamu, A. (2022): The framework of socio-religious harmony in Sabah, East Malaysia: An application of Fuzzy Delphi method. – Heliyon 8(8): 12p.
[17] Le, T.H., Abreu Novais, M., Arcodia, C., Berchtenbreiter, R., Humpe, A., Nguyen, N. (2024): How authenticity in events fosters social sustainability: Towards an authenticity ecosystem and implications for destination management. – Tourism Management Perspectives 51: 15p.
[18] Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah (2023): Pesta Kalimaran 2023. – Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah 2p.
[19] Ling, J.W.K., Harun, M.J., Bala, B., Abdul Latip, N., Molinka, N.N. (2025): Ulung Buayeh: From mythology to ecotourism. – Planning Malaysia 23(38): 342-359.
[20] Low, K.O. (2012): Belief in Bambarayon (paddy spirits) among the Kadazandusun of North Borneo. – Borneo Research Journal 6: 75-101.
[21] Lukin @ Lokin, S.A., Sintang, S., Johnes, J. (2022): Sejarah dan pengalaman hubungan etnik di Sabah: Kesepaduan dalam kepelbagaian. – e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities 19(6): 183-194.
[22] MacKinnon, J.G., White, H. (1985): Some heteroskedasticity-consistent covariance matrix estimators with improved finite sample properties. – Journal of Econometrics 29(3): 305-325.
[23] Marques, L., Borba, C., Michael, J. (2021): Grasping the social dimensions of event experiences: Introducing the Event Social Interaction Scale (ESIS). – Event Management 25(1): 9-26.
[24] Mead, G.H. (1934): Mind, self, and society: From the standpoint of a social behaviorist (C.W. Morris, Ed.). – University of Chicago Press 401p.
[25] Molinka, N.N., Harun, M.J., Ling, J.W.K., Abdul Latip, N. (2025): Cultural urban motif: Kimaragang symbolism in urban planning. – Planning Malaysia 23(38): 313-328.
[26] Rappaport, R.A. (1999): Ritual and religion in the making of humanity. – Cambridge University Press 564p.
[27] Rossetti, G., Quinn, B. (2021): Understanding the cultural potential of rural festivals: A conceptual framework of cultural capital development. – Journal of Rural Studies 86: 46-53.
[28] Smith, L. (2006): Uses of heritage. – Routledge 351p.
[29] Somiah, V. (2025): From 'sumandak' to beauty queen: Constructing Kadazandusun gendered identity in Sabah's Unduk Ngadau pageant. – South East Asia Research 33(3): 313-330.
[30] Stephen, J., Hussin, R., Sintang, S., Lokin, S.A., Johnes, J. (2025): Languages, places, and peace: Ethnic harmony across urban and rural Sabah, Malaysia. – Planning Malaysia 23(38): 360-381.
[31] Topin, B. (2021): Kaamatan: Our sacred festival. – Koisaan Publications 150p.
[32] Turner, V.W. (1969): The ritual process: Structure and anti-structure. – Aldine 213p.

[33] Turner, V.W. (1967): The forest of symbols: Aspects of Ndembu ritual. – Cornell University Press 405p.